

## AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

### UNDANG – UNDANG KECIL KAWALAN DAN PENYELIAAN KOLAM RENANG (MAJLIS PERBANDARAN TAIPING) 1996

PADA menjalankan kuasa – kuasa yang diberi di bawah seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Perbandaran Taiping membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang – undang kecil yang berikut:

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Kawalan Dan Penyeliaan Kolam Renang (Majlis Perbandaran Taiping) 1996**.
2. Undang-undang Kecil ini tidak terpakai bagi mana-mana kolam renang yang dipunyai atau diuruskan oleh atau bagi pihak Majlis atau Kerajaan.
3. (1) Dalam Undang-undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“kolam renang” atau “kolam” ertinya mana-mana kolam buatan yang dibina dan digunakan untuk berenang atau mandi, dan di mana orang awam mempunyai akses (sama ada dengan bayaran atau sebaliknya) atau yang dikendalikan oleh mana-mana individu, kelab, institusi, persatuan, firma, syarikat atau lain-lain organisasi;

“Majlis ertinya Majlis Perbandaran Taiping;

“penyakit yang boleh berjangkit” termasuk amebiasis, serebrospina meningitis, taun, difteria, disenteri, demam kepialu, gastroenteritis, radang kerongkong yang teruk, hepatitis berjangkit, kusta, sebarang bentuk jangkitan tinea, batuk kering, polio mielitis, pediculosis, kudis buta, demam merah, cacar, cacar air, campak, apa-apa penyakit kelamin atau sebarang penyakit kulit, trakoma, konjungtiviti yang teruk atau apa-apa penyakit lain yang Majlis boleh, dari semasa ke semasa, melalui pemberitahuan dalam *Warta* mengisytiharkan sebagai penyakit yang boleh berjangkit bagi maksud Undang-undang Kecil ini.

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis Perbandaran Taiping dan termasuklah Setiausaha.

4. (1) Kecuali di bawah dan menurut lesen yang diberi oleh Majlis, tiada seorang pun boleh mengadakan atau menyelenggarakan kolam renang.

(2) Tiada seorang pun boleh mengambil apa-apa bahagian dalam pengurusan kolam renang yang penubuhan atau penyelenggaraannya tidak dilesenkan.

5. (1) Permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat secara bertulis, dialamatkan kepada Yang Dipertua, dan hendaklah disertakan dengan 3 salinan pelan, seboleh-bolehnya menurut skel kolam renang itu dan seluruh kawasannya, dan pelan itu hendaklah termasuk butir-butir yang berikut-

- (a) saiz dan reka bentuk kolam itu;
- (b) dalamnya air di semua bahagian kolam itu;
- (c) kedudukan dan saiz semua saluran, kotoran;
- (d) semua liang saluran dan kemasukan;
- (e) kedudukan mana-mana loji pengapis atau loji pembersih;
- (f) kedudukan mana-mana anak tangga atau tangga kekal menghala ke dalam kolam itu, atau mana-mana tempat pegang tangan atau pemasangan yang seumpamanya yang bersifat kekal yang disediakan untuk kegunaan orang yang mandi;
- (g) kedudukan, tinggi dan jenis apa-apa papan terjun, pelongsor, bulatan atau pemasangan seumpamanya yang bersifat kekal yang disediakan untuk orang yang mandi;
- (h) susun atur mana-mana jalan kecil atau kawasan lapang di sekeliling atau yang berhampiran dengan kolam itu, berserta dengan jalan masuk dan keluar dari kawasan terdekat dengan kolam tersebut;
- (i) susun atur mana-mana bilik persalinan, bilik mencuci, pancuran, tempat membasuh kaki, tandas, kantin, gerai atau lain-lain binaan sampingan kepada kolam renang itu; dan
- (j) setiap bahagian sistem penyaliran.

(2) Apa-apa pelan yang dikemukakan untuk kelulusan menurut peruntukan-peruntukan perenggan (1) hendaklah disertakan dengan suatu pernyataan secara bertulis yang mengisytiharkan-

- (a) sumber air untuk mengisi kolam itu;
- (b) jenis dan keupayaan mana-mana loji penapis dan penapis yang disediakan; dan
- (c) bahan yang digunakan untuk menurap permukaan dalam kolam itu dan sebarang laluan tepi atau ruang tempat berdiri yang bersambungan dengan pinggir kolam tersebut.

(3) Sesuatu pelan, atau apa-apa ubah suai yang ke atasnya, yang diluluskan oleh Majlis hendaklah ditandatangani bagi maksud itu oleh Yang Dipertua dan 1 salinan hendaklah dikembalikan kepada pemohon dan 2 salinan selebihnya hendaklah disimpan oleh Majlis.

6. (1) Tiada lesen boleh diberi melainkan jika Majlis berpuas hati berhubungan dengan kolam renang yang baginya permohonan untuk lesen itu dibuat, dan berhubungan dengan perancangan yang berkaitan dengan kolam renang itu, bahawa-

- (a) pelan yang disebut dalam Undang-undang Kecil 5 telah diluluskan oleh Majlis dan kolam renang itu menepati dengan pelan tersebut;
- (b) sumber air untuk mengisi kolam itu adalah sesuai;
- (c) permukaan kolam di bawah air adalah dibuat daripada bahan kalis air dan dilicinkan secukupnya untuk mencegah longgokan kotoran yang tak berpatutan;
- (d) tiap-tiap siku antara permukaan mendatar dan permukaan menegak di dalam kolam renang itu adalah dibundarkan;
- (e) kolam itu dipasangkan dengan saluran air kotor yang bersesuaian saiznya dan saluran yang mencukupi;
- (f) laluan tepi yang tidak kurang daripada 1.2 meter lebar dan diubin atau ditutupi dengan bahan tak gelincir yang sesuai, adalah disediakan di sekeliling sisi kolam itu, dan laluan tepi itu adalah dibina dengan

kecerunannya, jauh dari pinggir kolam dan dialurkan ke dalam saluran yang dibina mengikut kecerunannya itu;

- (g) semua bahagian lantai mana-mana bilik persalinan atau mana-mana bilik yang mengandungi apa-apa pancuran, tempat mandi, tempat basuh kaki atau tandas adalah mudah dimasuki bagi pembersihan dan adalah diturap dengan bahan kalis air dan dibundarkan sisinya dengan mana-mana dinding;
- (h) tidak kurang daripada satu tandas disediakan bagi tiap-tiap 25 orang yang boleh ditampungkan dalam kolam itu dan tidak kurang daripada satu tempat buang air kecil yang dilengkapi dengan pengadang percikan air, disediakan untuk tiap-tiap lima puluh orang;
- (i) kolam itu adalah dilengkapi dengan loji penapis atau pembersih, atau lain-lain cara untuk membersihkan air di dalamnya, yang boleh mengekalkan kebersihan air itu sepanjang masa pada piawai yang tidak kurang dari ketiadaan E. Coli dalam seratus sentimeter padu air; dan
- (j) sekiranya pencahayaan elektrik bawah air ada disediakan-
  - i. semua lampu bawah air dibekalkan dengan voltan tidak melebihi dua puluh lima;
  - ii. bekalan voltan rendah tersebut adalah diberi oleh transformer lilitan ganda dalam tabung logam tanah dengan titik tengah lilitan voltan rendah diletak dalam tanah dan transformer itu ditempatkan dengan jarak yang selamat dari kolam dan tidak boleh didekati oleh orang-orang yang mandi; dan
  - iii. semua pendawaian dari transformer ke lampu bawah air hendaklah dibawa dalam conduit, galvani berskru atau kabel bertutup tembaga penebat logam.

(2) Untuk maksud subperenggan (h) perenggan (1), bilangan orang yang boleh ditampungkan dalam mana-mana kolam renang hendaklah berdasarkan keupayaan maksimum kolam itu dan ditentukan dengan kadar 1 orang bagi setiap 2.79 meter persegi permukaan air kolam itu.

7. Selepas diberi atau diperbaharui sesuatu lesen, tiada pemegang lesen boleh melainkan dengan kebenaran bertulis daripada Majlis, menyebabkan atau membenarkan dibuat berkenaan dengan kolam renang itu-

(a) apa-apa pindaan atau tambahan yang mungkin mengakibatkan penyimpangan yang material daripada pelan yang diluluskan di bawah Undang-Undang Kecil 5; atau

(b) apa-apa pindaan berkenaan dengan apa-apa perkara yang disebut dalam Undang-Undang Kecil 6.

8. Tiada seorang pun boleh meletakkan atau membenarkan diletak apa-apa perkas, pemasangan atau pendawaian elektrik dalam keadaan yang mungkin-

(a) bersentuhan dengan air dalam mana-mana kolam renang; atau

(b) boleh didekati oleh mana-mana orang yang mandi dalam mana-mana kolam renang atau yang berdiri atas mana-mana bahagian laluan tepi yang mengelilingi mana-mana kolam renang atau atas mana-mana papan terjun, pelongsor atau lain-lain binaan yang digunakan oleh orang-orang yang mandi.

9. Seseorang pemegang lesen kolam renang hendaklah pada setiap masa semasa kolam renang itu digunakan oleh orang-orang yang mandi, menyebabkan air dalam kolam itu ditukar kesemuanya secara edaran melalui sistem penapisan atau secara membaharui dari sumber-

(a) dalam hal kolam tertutup tidak kurang daripada sekali dalam tiap-tiap 4 jam; dan

(b) dalam hal kolam terbuka, tidak kurang daripada sekali dalam tiap-tiap 6 jam.

10. Seseorang pemegang lesen kolam renang hendaklah menyebabkan air dalam kolam itu dikekalkan sepanjang masa menurut sesuatu piawai-

(a) mengenai kebersihan, tidak kurang daripada ketiadaan E. Coli dalam seratus sentimeter padu air, dan

- (b) mengenai kejernihan, bahawa sesuatu benda yang hitam dan putih tidak kurang dari saiz 100 milimeter persegi, atau sesuatu benda yang bulat berukuran 100 milimeter garispusat, yang apabila diletakkan di bawah kolam renang itu di tempat yang paling dalam, boleh kelihatan dengan jelas dari permukaan air; dan
- (c) mengenai kepekatan hydrogen-ion, tidak lebih daripada pH. 7.0.

11. Seseorang pemegang lesen kolam renang hendaklah menyebabkan kolam itu dikosongkan daripada air dan disuci sebersihnya tidak kurang daripada sekali dalam tiap-tiap 6 bulan dan pada bila-bila masa lain yang dikehendaki oleh Yang Dipertua melalui notis secara bertulis yang disampaikan kepada pemegang lesen itu.

12. Seseorang pemegang lesen kolam renang hendaklah menyebabkan kehadiran di kolam itu, pada setiap masa semasa kolam itu dibuka kepada awam, tidak kurang daripada seorang atendan penyelamat nyawa yang memiliki perakuan kecakapan yang sah dalam menyelamatkan nyawa dan pertolongan cemas dikeluarkan oleh sesuatu persatuan yang diluluskan oleh Yang Dipertua:

Dengan syarat bahawa Majlis boleh, di atas permohonan, mengubahsuai atau mengeneipkan kehendak undang-undang kecil ini dalam sesuatu keadaan yang tertentu.

13. (1) Seseorang pemegang lesen kolam renang hendaklah menyebabkan kolam dan semua jentera, perkakas dan pemasangan tambahan kepadanya, semua laluan tepi atau tanah lapang yang mengelilingi kolam itu dan semua tempat persalinan, pancuran, tempat mandi, tempat mencuci atau tandas yang disediakan di situ, pada setiap masa dijaga dalam keadaan yang baik, bersih dan bebas daripada benda-benda yang merbahaya.

(2) Jika, pada pendapat Yang Dipertua, mana-mana kolam renang telah menjadi atau mungkin menjadi, mudarat kepada kesihatan atas sebab apa-apa kecacatan pada binaan atau tiada pembaikan atau atas sebab kerosakan loji penapis atau pembersih, Yang Dipertua boleh menyebabkan suatu notis diserahkan kepada pemegang lesennya menghendaki dia-

(a) menjalankan, dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis, apa-apa kerja yang mungkin diperlukan untuk menghapuskan risiko kemudaratan kepada Kesihatan; dan

(b) jika didapati perlu oleh Yang Dipertua menutup kolam renang itu sehingga kerja-kerja itu telah dijalankan dengan memuaskan hatinya.

14. (1) Tiada seorang pun boleh berludah dalam mana-mana kolam renang atau di atas mana-mana bahagian premis yang berkaitan dengannya, kecuali ke dalam longkang atau tandas atau tempat berludah atau lain-lain bekas yang disediakan untuk tujuan itu.

(2) Di mana tempat berludah atau bekas ada disediakan, pemegang lesen kolam renang hendaklah menyebabkan tiap-tiap tempat berludah atau bekas itu diisikan dengan bendalir pencegah kuman, dan hendaklah dibersihkan, dan bendalir itu digantikan tidak kurang daripada sekali dalam tiap-tiap 24 jam.

(3) Kecuali dibenarkan selainnya secara bertulis oleh Yang Dipertua, seseorang pemegang lesen kolam renang hendaklah berterusan mempamerkan satu atau lebih notis-notis larangan berludah yang ditulis dalam bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil di mana-mana tempat yang mudah dilihat berhampiran dengan kolam itu dan di dalam atau berhampiran mana-mana bilik persalinan.

15. (1) Tiada seorang pun yang menyedari dirinya sedang menghidap apa-apa penyakit menular atau yang boleh berjangkit boleh memasuki mana-mana kolam renang.

(2) Kecuali dibenarkan selainnya secara bertulis oleh Yang Dipertua, seseorang pemegang lesen kolam renang hendaklah menyebabkan notis yang berhubungan dengan peruntukan perenggan (1) dipamerkan berterusan dalam Bahasa Melayu, Inggeris, Cina dan Tamil di mana-mana tempat yang mudah dilihat berhampiran dengan kolam itu.

16. Air dari kolam renang itu hendaklah selalu dihantar ke Institut Penyelidikan Perubatan, Jabatan Kimia atau mana-mana institut lain yang diluluskan oleh Kerajaan,

untuk pencerakinan kuman dan kimia. Satu salinan laporan itu hendaklah dihantar kepada Majlis seperti berikut-

- (a) Pencerakinan kuman - sekali tiap-tiap 1 bulan; dan
- (b) Pencerakinan kimia, sekali tiap-tiap 3 bulan; atau bila-bila masa yang diarahkan oleh Yang Dipertua.

17. (1) Tiap-tiap lesen yang dikeluarkan di bawah Undang-undang kecil ini hendaklah diperbaharui setiap tahun pada 1 haribulan Januari.

(2) Pemberian atau pembaharuan mana-mana lesen hendaklah tertakluk kepada pembayaran terlebih dahulu kepada Majlis fee sebanyak RM240.00 setahun:

Dengan syarat bahawa tiada bayaran boleh dikenakan berkenaan dengan kolam renang di sekolah-sekolah atau kelab-kelab sukan.

(3) Jika Yang Dipertua berpuas hati bahawa mana-mana lesen tersebut telah hilang atau rosak, dia boleh setelah dibayar RM10.00 menyebabkan dikeluarkan salinan pendua lesen tersebut.

18. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil ini adalah bersalah atas suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, dikenakan denda tidak melebihi RM1,000.00 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 1 tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya tidak melebihi RM200.00 bagi setiap hari selama kesalahan itu diteruskan selepas sabitan.

Diperbuat pada 29hb Oktober 1992.

[MPT A1/10/2sj. 34 P.U. PK. 23/75.]

ANWAR BIN HJ. ABDUL RAHMAN,  
Yang Dipertua,  
Majlis Perbandaran Taiping

Disahkan pada 2hb Oktober 1996.

[PSUK PK. (KT-AM) 30/14/2/6.]

MHD. NAJRI BIN ABD. HAMID,

Setiausaha,

Majlis Mesyuarat Kerajaan,

Perak